

# PEMIMPIN2 UMNO DIGESA TINGKATKAN PERPADUAN

Bahan asal dari Arkib  
Negara Malaysia

BAGAN DATOH, Ahad — Semua pemimpin Bahagian dan Cawangan UMNO di Perak digesa meningkatkan lagi perpaduan di kalangan ahli serta berusaha mengemaskinikan sistem pentadbiran parti yang lebih baik dan berkesan, selaras dengan konsep pimpinan baru UMNO sekarang.

Berucap di majlis pelancaran risalah 'Kris', lidah rasmi UMNO Bahagian Bagan Datoh, Ketua Penerangan UMNO Perak, Datuk Haji Hisan Ibrahim, menegaskan, perpaduan di kalangan ahli-ahli UMNO perlu dipertingkatkan dari

masa ke semasa supaya UMNO terus berupaya sebagai pendokong kerajaan sekarang.

Katanya, bagi mencapai perpaduan yang kukuh semua peringkat pimpinan bahagian dan cawangan hendaklah sentiasa berganding bahu antara satu sama lain dan berusaha menyelesaikan masalah utama yang melibatkan ahli-ahli dan rakyat sekelilingnya.

Datuk Hisan berkata, hubungan antara pimpinan lama dan baru haruslah dipereratkan kerana pengalaman dari pimpinan lama boleh menolong memajukan UMNO manakala pimpinan baru boleh mempelajari dari pengalaman mereka

bagi mewujudkan perpaduan yang lebih kukuh.

Menurut beliau, pemimpin-pemimpin lama pula patutlah memberi peluang kepada pimpinan baru untuk meneruskan perjuangan UMNO yang kian mencabar dan memerlukan tenaga yang kuat.

## Peluang

Beliau menegaskan, perubahan telah berlaku dalam UMNO Perak di mana kalangan pemimpin muda yang berpelajaran tinggi diberi peluang memimpin bahagian-bahagian UMNO dan mereka yang diserahkan tugas berat ini sedang diuji kepimpinan mereka sekarang.

Datuk Haji Hisan berkata, 1,006 cawangan UMNO mengandungi 128,000

ahli di Perak sekarang dan pertambahan ahli sedang diusahakan supaya UMNO terus menjadi tuggak dan pelindung bangsa Melayu dan masyarakat Islam di negeri ini.

Sebelum itu Ketua UMNO Bahagian Bagan Datoh, Enck Mohamad bin Jamrah berkata, penyusunan semula pentadbiran UMNO di peringkat cawangan dalam bahagian itu sedang dilaksanakan secara besar-besaran untuk mendedahkan kepada ahli-ahli tentang pentadbiran yang berkesan termasuk memahami hal-ehwal politik semasa.

Katanya untuk menjayakan era pembaharuan, enam biro telah ditubuhkan iaitu biro politik, ekonomi, kebasjkan, pelajaran, agama dan pembangunan.